

KEBERKESANAN PEMBELAJARAN KEMAHIRAN LISAN BERSTRUKTUR DAN PENGGUNAAN ICT BAGI PENILAIAN LISAN

Roslinda Johari

Sekolah Rendah Gongshang
Pusat Bahasa Melayu Singapura
13 Bishan Street 14, Singapore 579782
roslinda_johari@moe.edu.sg

Abstrak

Sejajar dengan Kurikulum Bahasa Ibunda yang bertujuan membimbing pelajar menjadi pengguna bahasa yang cekap dan dapat bertutur dengan yakin dan efektif, kajian pengajaran telah dijalankan untuk meningkatkan kemahiran lisan murid-murid. Satu strategi pembelajaran lisan telah dibina bagi meningkatkan kemahiran lisan murid-murid yang mengambil bahasa Melayu. Strategi pembelajaran lisan ini menggunakan strategi pemerancangan untuk membantu dan membimbing murid-murid bagi meningkatkan kemahiran lisan dari segi kelancaran dan keyakinan mereka. Pembelajaran lisan ini menggalakkan penglibatan murid secara aktif di mana murid-murid akan melalui pembelajaran secara kolaboratif serta sendiri melalui penggunaan ICT. Bahan-bahan pembelajaran yang dibina menggunakan pendekatan yang berasaskan aktiviti berkumpulan dan pendedahan kosa kata berdasarkan pelbagai situasi di dalam gambar. Murid-murid akan menjalani aktiviti penyusunan gambar sebagai aktiviti rangsangan di awal pembelajaran. Pelajar akan didedahkan dengan kosa kata yang berkaitan dengan pelbagai situasi yang di dalam gambar tersebut. Permainan kosa kata secara berkumpulan pula dapat menggalakkan komunikasi antara pelajar dan mengingat semula kosa kata yang telah dipelajari. Murid-murid juga didedahkan dengan penggunaan rubriks bagi menilai tahap pencapaian kemahiran lisan mereka. ICT digunakan sebagai latihan pengukuhan dan untuk mendapatkan maklum balas daripada guru tentang pencapaian bacaan & isi perbualan mereka. Rakaman maya, 'Vocaroo' dan Portal iCoLAB membolehkan pelajar merakam bacaan mereka dan memberikan pandangan mereka secara maya. Guru pula dapat memberikan maklum balas secara maya di Blog yang dibina dalam portal ini. Penggunaan ICT ini menggalakkan murid-murid terutama sekali yang bersifat intrinsik untuk membuat latihan lisan secara sendiri untuk mendapatkan maklum balas guru dan rakan.

Kata Kunci: *Kemahiran Lisan, ICT, Aktiviti Berkumpulan, Pendedahan Kosa Kata, Penilaian*

1. Pengenalan

Kurikulum Bahasa Ibunda bertujuan untuk membimbing pelajar menjadi pengguna bahasa yang cekap dan dapat bertutur dengan yakin, efektif dan bermakna dalam situasi kehidupan yang sebenar. Bagi mencapai matlamat tersebut, dalam Semakan Bahasa Ibunda 2010, antara saranan jawatankuasa semakan adalah untuk memperkukuhkan kemahiran interaksi. Penekanan terhadap interaksi lisan dan penulisan telah diutarakan. Penggunaan ICT juga telah disarankan dalam membina kemahiran ini.

Oleh itu, selaras dengan matlamat di atas, kajian bagi mengukuhkan kemahiran lisan murid-murid telah dijalankan. Analisis prestasi murid-murid di Sekolah Rendah Gongshang dalam ujian lisan sejak beberapa tahun kebelakangan ini jelas menunjukkan bahawa murid-murid bahasa Melayu secara umumnya lemah dalam kemahiran lisan. Ini terbukti daripada prestasi mereka dalam peperiksaan lisan pada pertengahan dan akhir tahun. Murid-murid didapati mempunyai kesukaran menerangkan dan menyatakan pandangan mereka semasa ujian lisan. Penggunaan bahasa Inggeris sering digunakan ketika menjalani ujian lisan. Oleh itu, kami mengandaikan bahawa masalah ini berlaku kerana kosa kata mereka yang terhad.

Maka itu, satu strategi pembelajaran lisan telah dibina bagi mengatasi masalah terhadnya kosa kata di kalangan murid-murid. Kami membuat satu hipotesis bahawa strategi pembelajaran lisan yang dibina dapat meningkatkan keupayaan murid-murid untuk bertutur dengan yakin dan lancar.

2. Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah bagi meningkatkan keupayaan murid-murid untuk menggunakan kosa kata yang tepat bagi menerangkan pelbagai situasi berdasarkan gambar lisan yang diberikan. Tanpa kosa kata yang tepat, murid-murid akan menghadapi kesukaran untuk bertutur dengan yakin dan lancar. Oleh itu pembelajaran kosa kata yang tepat bagi situasi yang pelbagai serta aktiviti-aktiviti pengukuhan dapat membantu murid-murid untuk mengingat kosa kata yang dipelajari dan menggunakannya sewaktu ujian lisan. Ini juga dapat meningkatkan keyakinan para pelajar apabila dapat bertutur dengan lancar dan tepat.

Selain daripada kemahiran lisan ini, penggunaan ICT dapat meningkatkan kemahiran ICT di kalangan murid-murid. Murid-murid didedahkan dengan penggunaan blog melalui portal iCoLAB dan rakaman secara maya iaitu 'Vocaroo'. Penggunaan ICT ini juga menggalakkan murid-murid ke arah pembelajaran secara sendiri di mana mereka akan merakamkan suara bagi menilai pembacaan mereka ataupun mendapat maklum balas guru bagi bacaan yang dirakam.

Maka itu tujuan bagi kajian ini boleh dirumuskan sebagai berikut:

- a) Meningkatkan kosa kata pelajar dalam bahasa Melayu
- b) Meningkatkan keyakinan pelajar dalam ujian lisan
- c) Meningkatkan kemahiran ICT

3. Permasalahan Kajian

Bagi mengukuhkan andaian kami bahawa keterbatasan kosa kata merupakan faktor utama yang menghambat pencapaian murid-murid dalam kemahiran lisan mereka, kami telah menjalankan soal selidik di kalangan murid-murid kami. Pada tahun lepas, satu soal selidik tentang penggunaan bahasa yang dituturkan di rumah telah dijalankan ke atas 114 murid-murid yang terdiri daripada darjah 5 & 6 yang mengambil Bahasa Melayu. 16.7% murid menyatakan bahawa mereka hanya menggunakan Bahasa Inggeris ketika bertutur di rumah, manakala 15.8% murid-murid menyatakan bahawa mereka menggunakan Bahasa Melayu di rumah. Selain daripada itu, 67.5% daripada murid-murid yang menggunakan kombinasi

kedua-dua bahasa Inggeris dan Melayu di rumah di mana bahasa Inggeris mendominasi bahasa pertuturan mereka.

Melalui soal selidik ini juga, kami mendapati bahawa satu trend di mana kedua-dua ibu bapa yang berpendidikan tinggi, lebih cenderung menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi di rumah. Kami mendapati bahawa ramai murid yang tidak menggunakan Bahasa Melayu di rumah dan hanya menggunakannya di dalam kelas bahasa Melayu di sekolah. Berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan ini, maka kami merumuskan bahawa ketidakmampuan murid-murid untuk bertutur dengan yakin dan lancar adalah disebabkan terhadnya kosa kata murid-murid kerana kurangnya pendedahan terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam situasi yang pelbagai.

4. Kajian Lepas

Dalam kajian ini, kami telah menggabungkan pembelajaran koperatif. Pembelajaran koperatif diterapkan sebagai aktiviti pengukuhan untuk memahami makna dan menyenaraikan semula kosa kata yang telah dipelajari. Dapatan kajian di Barat menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran koperatif boleh merangsang perkembangan kognitif yang lebih baik dan pencapaian akademik yang lebih tinggi berbanding dengan pembelajaran sendiri.

Ini selaras dengan teori konstruktivisme yang ditegaskan oleh Vygotsky, Stacey & Beras (2002) yang mendapati bahawa pembelajaran yang dibina berasaskan persekitaran sosial adalah penting untuk pembelajaran yang berkesan.

Pembelajaran lisan ini juga menerapkan teknik pemerancahan di mana murid-murid melalui aktiviti yang pelbagai dan bertahap-tahap bagi mengukuhkan proses pembelajaran seperti yang ditegaskan di bawah ini.

‘Scaffolding refers to providing contextual supports for meaning through the use of simplified language, teacher modelling, visuals and graphics, cooperative learning and hands-on learning.’

(Ovando, Collier & Combs, 2003, p. 345)

Bagi metodologi dalam menjalankan kajian ini pula, kami telah merujuk pada buku yang dihasilkan oleh ISP Nation, ‘Learning Vocabulary in Another Language dan Teaching Vocabulary’. Beliau menegaskan bahawa pembelajaran kosa kata harus diajar dan dipelajari serta diulang. Pembelajaran harus melalui beberapa proses yang bertahap dan berstruktur kerana sebab-sebab yang dinyatakan dibawah ini.

‘that learning vocabulary is a cumulative process and that it must be deliberately taught, learned, and recycled. This is critical for several reasons:

- 1) Learners need to encounter the words in a variety of rich contexts, often requiring up to sixteen encounters.*
- 2) Learners remember words when they have manipulated them in different ways, so variety is essential for vocabulary teaching.*
- 3) Learners forget words within the first twenty four hours after class, so it is important to follow up a vocabulary lesson with homework that recycles the words.’*

(Nation, 2001)

5. Kaedah Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, kami telah mengenal pasti kelemahan murid-murid melalui markah daripada peperiksaan pertengahan tahun. Tinjauan lanjut dilakukan untuk memahami dengan lebih mendalam masalah yang berlaku. Pertama sekali, kami menganalisis keputusan ujian lisan murid-murid dan mendapati kebanyakan murid-murid tidak dapat melepasi sasaran markah yang diharapkan oleh guru masing-masing dalam bahagian penerangan dan perbualan gambar.

Kemudian kami juga membuat analisis melalui laporan pemeriksa yang menjalankan ujian lisan dan mendapati murid-murid sukar menerangkan sesuatu keadaan dalam gambar dengan tepat dan ada penggunaan bahasa Inggeris dalam pertuturan mereka.

Tinjauan yang seterusnya dilakukan melalui soal selidik ke atas murid-murid untuk mengenal pasti bahasa yang sering digunakan di rumah. Berdasarkan tinjauan ini, kami telah merumuskan pemasalahan utama di kalangan murid-murid kami adalah kekurangan kosa kata dan kami telah menghasilkan satu strategi pembelajaran lisan yang konstruktif bagi membantu meningkatkan kemahiran lisan ini. Murid-murid yang dipilih menjalani pembelajaran lisan yang telah dibina selama 4 bulan.

Bagi menilai keberhasilan kajian ini, analisis dilakukan berdasarkan perbandingan keputusan markah ujian lisan antara SA1 dan SA2. Ujian t-bebas digunakan untuk membandingkan min, dan menilai saiz kesan.

5.1 Subjek Kajian

Subjek Kajian adalah daripada 3 kumpulan murid daripada darjah 5 & 6. Mereka merupakan kumpulan experimental dan tiada kumpulan kawalan. Ketiga-tiga kumpulan ini telah menjalani pembelajaran lisan itu selama 4 bulan iaitu penggal yang ketiga dan empat.

5.2 Instrumen Kajian

Instrumen bagi kajian ini adalah aktiviti-aktiviti lisan yang telah dibina oleh guru berdasarkan 6 set gambar, yang dilampirkan dalam **Annex B**. Borang penilaian juga digunakan untuk menilai lisan murid-murid yang dilampirkan dalam **Annex C**. Di samping itu, penggunaan ICT seperti Blog dan rakaman maya 'Vocaroo' digunakan.

5.3 Prosedur Kajian

Strategi kajian yang telah digunakan bagi tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran lisan murid-murid supaya mereka dapat bertutur dengan lancar dan yakin. Oleh sebab itu, semua kumpulan murid yang dipilih akan menjalani strategi pembelajaran lisan yang telah dirancang. Strategi pembelajaran ini mengikut Rancangan Pengajaran yang dilampirkan dalam **Annex A**.

Pembelajaran lisan ini dimulakan dengan aktiviti kumpulan di mana mereka akan melakukan susun suai gambar dan memahami senarai kosa kata yang berkaitan dengan gambar melalui perbincangan. Kemudian mereka akan melakukan aktiviti pengukuhan di mana mereka harus mengingat semula senarai perkataan yang telah dipelajari dan menyenaraikannya.

Bagi peringkat yang kedua, mereka akan menggunakan perkataan-perkataan atau frasa-frasa tersebut untuk membina ayat yang berkaitan dengan situasi-situasi di dalam gambar yang diberikan. Selepas itu, mereka akan menulis semula secara keseluruhan.


Selepas aktiviti penulisan, pelajar akan berlatih membincangkan gambar secara lisan di mana rakan atau guru yang akan menilai menggunakan borang penilaian. Pemarkahan akan diberikan berdasarkan rubrik yang diberikan di dalam borang penilaian itu.

Mereka juga digalakkan untuk berlatih dengan menggunakan ICT di portal iCoLAB di mana maklum balas akan diberikan oleh guru.

6. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian yang diperolehi adalah daripada perbandingan markah ujian lisan SA1 dan markah ujian SA2 bagi ketiga-tiga kelas. Berdasarkan data di bawah ini, secara keseluruhan, kami dapati bahawa terdapat peningkatan dalam markah ujian lisan murid-murid.

Strategi pembelajaran lisan ini telah berjaya meningkatkan mutu penerangan murid dengan memberikan kosa kata yang tepat berdasarkan gambar. Mereka juga dapat memperluaskan penerangan mereka berdasarkan gambar dan memberikan idea yang bernas dengan lebih yakin dan lancar ketika menjalani ujian lisan.



Rajah 1: Keputusan Peperiksaan SA 1 & SA 2

Jadual 1: Keputusan Peperiksaan SA 1 & SA 2

Using the pair t-test to compare the difference of the mean marks between the pre and post test.						
Data Source	P5 ML1		P6 ML1		P6 ML2	
	SA 1	SA 2	SA 1	SA 2	SA 1	SA 2
Mean	22	26	21	24	22	26
Standard Deviation	2.34	2.63	2.65	2.22	2.35	3.00
T-Test	0.001		0.002		0.003	
Significant	Yes		Yes		Yes	
Difference in Mean	4		3		4	

If P < 0.05, there is improvement. Mean marks had increased.

7. Kesimpulan

Strategi pembelajaran lisan ini didapati telah dapat membantu murid-murid untuk menjadi lebih yakin dan lancar ketika bertutur dalam bahasa Melayu waktu ujian lisan. Hasil kajian ini agak memberangsangkan kerana strategi yang dibina telah menampakkan hasil yang positif berbanding dengan strategi yang digunakan sebelum ini. Kajian ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran lisan, malah aktiviti penulisan juga telah tidak secara langsung telah meningkatkan mutu penulisan murid-murid.

Antara maklum balas positif melalui kajian ini adalah, pengajaran yang terancang, nota dapat digunakan sebagai rujukan dan penerapan kemahiran IT. Walau bagaimanapun, kami juga mendapat keluhan daripada murid-murid kerana mereka harus banyak menulis. Kami juga menghadapi beberapa keterbatasan yang dilalui sewaktu menjalankan kajian ini seperti masa pencelahan agak singkat untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik. Ketiadaan komputer atau internet juga merupakan hambatan dalam kajian ini.

Sebagai langkah selanjutnya, kami akan memperbaiki strategi pembelajaran lisan ini dengan membahagikan pembelajaran lisan secara bertema dan merancang jangka masa yang sesuai bagi pembelajaran ini. Kami akan mengusahakan agar pembelajaran lisan ini dapat digunakan oleh murid-murid lain daripada peringkat yang berbeza.

Rujukan

Abbas Bin Mohd Shariff, Ph.D (2006) Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa, Singapore : Alfa Media

Huraian Sukatan Pelajaran Melayu 2008 Darjah 5 dan 6 Mekar (Singapore:CPDD, MOE 2007)

I.S.P. Nation, (2001). Learning Vocabulary in Another Language. Cambridge/GB: Cambridge University Press.

Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (Singapore: CPDD, MOE 2005)

Ovando, C., Collier, V., & Combs, M. (2003). Bilingual and ESL classrooms: Teaching multicultural contexts (3rd ed.). Boston: McGraw-Hill.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2008 (Singapore:CPDD, MOE 2007)

Vygotsky,L,Stacey, E and Beras, (2002). Dipetik dari 'learning links online. Establising constructivist and collaborative learning environment.
<http://www.aset.org.an/canfs/soos/stacey.html>

Sekolah Rendah Gongshang
Rancangan Pengajaran
Pakej Lisan
2013

Proses Pembelajaran				
Matlamat Pengajaran	Di akhir pengajaran, murid dapat: 1) Menambahkan kosa kata yang berkaitan dengan gambar lisan 2) Bertutur dengan fasih dan yakin tentang gambar yang diberikan 3) Memberikan interpretasi yang sangat baik (padat) dan bernas (mendalam)			
Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi murid yang dijangkakan	Sokongan guru (soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran murid)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan? Apakah wahana (tools) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
5 minit	<p><u>Set induksi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Susun suai gambar (jigsaw puzzle) secara berkumpulan • Mencungkil pengetahuan sedia ada murid melalui teknik menyoal <p><u>Tujuan</u></p> <p>Menilai peringkat pengetahuan murid-murid</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Murid-murid akan berasa ghairah dan ingin tahu apakah gambar yang akan dibincangkan. • Murid-murid dapat memberikan respons secara spontan ataupun setelah berbincang dengan rakan secara berkumpulan 	<p><u>Soalan:</u></p> 1) Di manakah tempat yang dipaparkan di dalam gambar ini? 2) Di manakah / Apakah tempat-tempat di Singapura yang boleh dikaitkan dengan gambar ini?	<p>Gambar lisan yang telah dijadikan seperti 'jigsaw puzzle'.</p> <p>Penilaian secara lisan melalui jawapan pelajar yang spontan.</p>

10 minit	<p><u>Perkembangan</u></p> <p>Langkah 1: Melihat & mengaitkan dengan gambar</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru memberikan arahan kepada murid-murid untuk membincangkan tentang perkataan / frasa yang terdapat di dalam gambar tersebut. • Guru dan murid-murid membincangkan perkataan / frasa yang tidak difahami maksudnya. 	<ul style="list-style-type: none"> • Murid-murid berupaya untuk berbincang dengan aktif tentang perkataan/frasa yang berkaitan dengan gambar. • Murid-murid meminta penjelasan bagi beberapa perkataan yang tidak difahami maknanya. 	<ul style="list-style-type: none"> • Guru memantau perbincangan murid-murid. 	Gambar lisan yang telah dijadikan seperti 'jigsaw puzzle'.
15 minit	<p>Langkah 2: Mengingat semula dengan menggunakan teknik pembelajaran koperatif (meja bulat, berfikir- berpasang- berkongsi, siapa cepat & sbgnya)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru memberikan arahan kepada murid-murid untuk membuat salah satu aktiviti pembelajaran koperatif 	<ul style="list-style-type: none"> • Murid-murid berpeluang untuk memberikan idea masing-masing 	<p><u>Soalan:</u></p> <p>1) Senaraikan perkataan / frasa yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam gambar.</p>	Gambar lisan yang telah dijadikan seperti 'jigsaw puzzle'. Senarai perkataan / frasa yang diberikan oleh pelajar.

	<ul style="list-style-type: none"> Guru menyuruh murid-murid mengenal pasti perkataan / frasa yang tidak diberikan di gambar. 	<ul style="list-style-type: none"> Murid-murid berupaya untuk berbincang dengan aktif dengan peranan masing-masing. 	2) Gunakan teknik penyoalan : Apakah, Di manakah, Siapakah, Bilakah, Bagaimanakah,	
10 minit	<p>Langkah 3: Mengingat semula & menyenaraikan di dalam latihan lisan secara individu</p> <ul style="list-style-type: none"> Guru memberi arahan kepada murid-murid untuk menyenaraikan perkataan / frasa yang telah dibincangkan di dalam latihan lisan. 	<ul style="list-style-type: none"> Murid-murid berupaya untuk menyenaraikan. Murid-murid meminta bantuan guru untuk mengingat semula beberapa perkataan/frasa yang tidak pasti. 	<ul style="list-style-type: none"> Guru mengingatkan murid-murid untuk menggunakan teknik penyoalan 	<ul style="list-style-type: none"> Latihan lisan
15 minit	<p>Langkah 4: Membina ayat berkaitan dengan gambar</p> <ul style="list-style-type: none"> Guru memberikan 1 atau 2 contoh ayat bagi aktiviti yang terdapat dalam gambar. Guru memberi arahan kepada murid-murid untuk membina ayat bagi aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam 	<ul style="list-style-type: none"> Murid-murid berupaya membina ayat menggunakan perkataan/frasa yang disenaraikan. 	<p>Soalan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Ceritakan aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam gambar ini. Berikan pendapat kamu bagi aktiviti-aktiviti yang dinyatakan. 	Latihan lisan

	<p>gambar.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru meminta pendapat murid-murid mengenai setiap aktiviti yang dinyatakan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Murid-murid berupaya memberikan pendapat bagi aktiviti-aktiviti yang dibincangkan menggunakan kosa kata yang telah dipelajari. 	<p>3) Soalan rangsangan: Gunakan Teknik penyoalan berdasarkan aktiviti.</p>	
5 minit	<p>Penutup</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru merumuskan pengajaran • Guru memberi arahan kepada murid-murid membuat latihan seterusnya secara individu sebagai kerja rumah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Murid-murid berupaya menulis semula di latihan seterusnya. 		Latihan lisan

Pemarkahan bagi ujian lisan.

Bacaan	20
Penerangan Gambar	20
Perbualan	10
Markah Penuh	50

Panduan Dalam Menjalani Ujian Lisan

A. Panduan Umum:

- 1) Berpakaian seragam sekolah dan rambut yang kemas.
- 2) Sopan dan tertib semasa di hadapan pemeriksa.
- 3) Gunakan masa yang diberikan untuk membaca & memikirkan gambar yang diberikan daripada berkhayal.
- 4) Penggunaan bahasa baku ketika bertutur.

- 5) Bertutur dengan yakin, kuat dan sebut dengan jelas.
- 6) Memilih kosa kata yang sesuai dan tepat.
- 7) Berikan perhatian pada penggunaan penjodoh bilangan dan imbuhan yang tepat.

B. Panduan Membaca

- 1) Bacaan harus jelas.
- 2) Murid-murid harus membaca dengan menggunakan sebutan baku.
- 3) Tanda titik (.) dan Tanda koma (,) - berhenti sejenak sebelum meneruskan bacaan.
- 4) Tanda petik (“.....”), tanda soal (?) dan tanda seru (!) – nada bacaan berbeza.
- 5) **Jangan** baca terlalu pantas.

C. Panduan Penerangan Gambar

- 1) Mulakan dengan menyatakan **di mana situasi** di dalam gambar.
- 2) Berikan **1-2 ayat secara umum** dahulu mengenai situasi itu sebelum berbual secara terperinci dengan menyatakan tentang keadaan gambar itu secara keseluruhan.
- 3) Kemudian, mulakan dengan menerangkan aktiviti di mana sahaja arah yang kamu suka dan teruskan secara teratur mengikut putaran jam atau sebaliknya.
- 4) **Jangan melompat**, ‘*skip*’ atau tidak menerangkan gambar yang benar-benar secara nyata perlu kamu bincangkan.
- 5) Gunakan frasa berikut untuk beralih aktiviti:
 - berdekatan dengan
 - berhampiran dengan
 - tidak jauh dari
 - beberapa tapak dari
 - bersebelahan dengan
 - di sebelahnya
 - di hadapannya
 - di belakang mereka
 - di tepinya
- 6) Nyatakan setiap gambar menurut aturan berikut
 - a. **Menyatakan aktiviti**

- Apakah yang kamu lihat?
- Apakah yang sedang dilakukan oleh watak dalam gambar itu?
- Bagaimanakah keadaan tempat itu?

b. Memberikan pendapat /pandangan

- Pada pendapat saya, perbuatannya betul/salah/ patut dicontoh/ menyalahi undang-undang/ menyalahi peratuarn & sebagainya
- **Mengapa kamu kata begitu?**

PERBUATAN *TIDAK PATUT / TIDAK BAIK / SALAH* DILAKUKAN

- Boleh mencederakan dirinya
- Boleh mencederakan orang lain
- Mencemarkan nama baik keluarga / sekolah
- Melanggar peraturan / undang-undang
- Berdosa / merosakkan keselesaan
- Tidak sopan dilihat orang
- _____
- _____

PERBUATAN *PATUT / BAIK / BETUL* DILAKUKAN

- Disukai ramai
- Mengharumkan nama baik sekolah / keluarga
- Mendatangkan kebaikan kepada dirinya
- Mematuhi peraturan / undang-undang
- Mendapat pahala
- Sikap bertimbang rasa / rasa simpati / saling bantu-membantu
- _____
- _____

c. Memberikan andaian

- Jika saya berada di situ, saya akan ...
- Sekiranya saya pelajar itu, saya akan ...
- Andai kata mereka mematuhi peraturan, ...
- Seandainya mereka tidak melakukan perkara itu, ...


7) Sebaik-baiknya akhirkkan dengan menyatakan secara umum pandangan kamu mengenai gambar tersebut.

Nama: _____

Tarikh: _____

Kelas: _____

Tema: Di Perhentian Teksi




(A) Kata/Frasa Nama	(B) Kata/Frasa Kerja	(C) Kata/Frasa Adjektif
1) seorang wanita tua	1) menolong	1) menggelungsur dengan laju
2) tongkat	2) menunjukkan arah	2) baik hati
3) kasut beroda	3) bermain kasut beroda	3) berhati-hati di jalan raya
4) sebuah teksi	4) membaca surat khabar	4) berasa terkejut
5) pemandu teksi	5) menunggu teksi	5) tidak disangka-sangka
6) penumpang	6) memarahi anaknya	6) kelihatan marah
7) kanak-kanak perempuan	7) menghisap rokok	7) sedang asyik membaca
8) wanita hamil	8) menutup hidung	8) waktu sibuk
	9) menegur	
	10) menyeberang sembarangan	
	11) merosakkan kesihatan	
	12) memberhentikan kereta	
	13) terjatuh	

Nama: _____

Tarikh: _____

Kelas: _____

Tema: Di Perhentian Teksi



Pendapat


Situasi 1	Seorang murid lelaki sedang membantu seorang lelaki tua yang ingin menyeberang jalan.
Pendapat / Pandangan	Pada pendapat saya, perbuatan budak lelaki itu patut dicontohi kerana sikapnya yang dia amat prihatin dan suka membantu mereka yang kurang upaya.
Andaian : Jika, sekiranya, seandainya, sekiranya	
Situasi 2	Di belakang mereka, seorang budak lelaki sedang bermain dengan sepatu rodanya. Dia menggelungsur dengan amat laju sekali.
Pendapat / Pandangan	Saya rasa wanita di depannya berasa amat terperanjat kerana budak itu hampir melanggarnya. Budak itu tidak sepatutnya bermain di situ kerana di situ bukanlah tempat untuk dia bermain sepatu roda. Dia boleh melanggar orang yang lalu lalang di situ dan mencederakan dirinya atau orang lain.
Andaian : Jika, sekiranya, seandainya, sekiranya	
Situasi 1	Di perhentian bas itu, ada seorang wanita yang sedang menghisap rokok tanpa menghiraukan orang lain yang berada di situ terutama sekali wanita yang hamil itu.

Pendapat / Pandangan	Sikapnya yang tidak bertimbang rasa itu boleh merosakkan kesihatan orang-orang yang berada di sekelilingnya yang terpaksa menghidu asap rokok itu. Kesihatan wanita yang hamil itu juga boleh terjejas kerana perbuatannya. Wanita yang menghisap rokok itu tidak menghiraukan teguran nenek tua itu.
Andaian : Jika, sekiranya, seandainya, sekiranya	

Nama: _____
Kelas: _____

Tarikh: _____

Tema: Di Perhentian Teksi



Penerangan Gambar

Ceritakan aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam gambar ini dan berikan pendapat kamu.


Gambar ini menunjukkan situasi di sebuah perhentian teksi. Terdapat ramai orang di disitu.

Nama: _____

Tarikh: _____

Kelas: _____

Tema: Di Perhentian Teksi



Perbualan Gambar

Soalan: Apakah peraturan-peraturan jalan raya yang harus dipatuhi. Mengapa?

*** Elakkan daripada mengulang semula perkara yang berlaku di dalam gambar.**

Gunakan soalan panduan di bawah ini.

- 1) Siapakah pengguna jalan raya?
- 2) Apakah peraturan-peraturan untuk pemandu dan penunggang motosikal?
- 3) Apakah peraturan-peraturan untuk pejalan kaki?
- 4) Mengapa mereka harus mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan?
- 5) Apakah yang akan terjadi jika mereka tidak mengikut peraturan-peraturan tersebut?
- 6) Apakah langkah-langkah yang harus diambil supaya pengguna jalan raya mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan?

Borang penilaian – Bacaan

Arahan: Dengar teks yang dibacakan. Tandakan \checkmark di petak yang sesuai.

Perkara	Penerangan	\checkmark
Sebutan & Kejelasan	• semua perkataan disebut dengan betul dan jelas	
	• sebutan jelas tetapi terdapat beberapa perkataan yang disalah sebut	
	• secara umumnya sebutan jelas tetapi terdapat banyak perkataan yang disalah sebut	
Kelancaran	• bacaan amat lancar, jeda sesuai & tidak teragak-agak	
	• bacaan lancar, jeda dan rentak sesuai tetapi teragak-agak sedikit	
	• bacaan tersekat-sekat dan banyak kesilapan dari segi jeda dan rentak	
Gaya	• gaya sesuai dengan teks yang dibaca (variasi nada amat sesuai)	
	• gaya kurang sesuai dengan teks yang dibaca (variasi nada boleh diperbaiki)	
	• tiada gaya / bacaan kaku (variasi nada yang mendatar, tidak sesuai dengan dialog & bacaan naratifnya)	

Bacaan saya telah dinilai oleh:

Rakan saya: _____ Tarikh: _____

Guru saya: _____ Tarikh: _____

Ibu/bapa saya: _____ Tarikh: _____

Borang penilaian – Penerangan Gambar

Arahan: Dengar teks yang dibacakan. Tandakan \checkmark di petak yang sesuai.

Perkara	Penerangan	\checkmark
Isi	• dapat menerangkan semua aktiviti yang terdapat di dalam gambar dengan amat jelas dan sesuai	
	• dapat menerangkan kebanyakan aktiviti yang terdapat di dalam gambar dengan jelas dan sesuai	
	• dapat menerangkan beberapa aktiviti sahaja yang terdapat di dalam gambar.	
Kelancaran	• dapat menerangkan gambar dengan amat lancar dan yakin	
	• dapat menerangkan gambar dengan lancar dan yakin	
	• menerangkan gambar dengan tersekat-sekat dan kurang yakin	
Respon	• dapat memberikan pendapat bagi setiap penerangan yang diberikan & pendapat yang diberikan baik dan bernas	
	• dapat memberikan pendapat bagi kebanyakan penerangan yang diberikan & pendapat yang diberikan baik	
	• hanya mampu memberikan pendapat bagi sedikit sahaja penerangan yang diberikan & pendapat yang diberikan sederhana	

Bacaan saya telah dinilai oleh:

Rakan saya: _____ Tarikh: _____

Guru saya: _____ Tarikh: _____

Ibu/bapa saya: _____ Tarikh: _____

Borang penilaian – Perbualan Gambar

Arahan: Dengar teks yang dibacakan. Tandakan \surd di petak yang sesuai.

Perkara	Penerangan	\surd
Isi	<ul style="list-style-type: none"> dapat menceritakan pengalaman dengan isi yang amat sesuai dan lancar 	
	<ul style="list-style-type: none"> dapat menceritakan pengalaman dengan isi yang sesuai tetapi hanya mampu memberikan sedikit perkembangan 	
	<ul style="list-style-type: none"> dapat menceritakan pengalaman dengan isi yang kurang sesuai dan hanya mampu memberikan sedikit perkembangan 	
Respons	<ul style="list-style-type: none"> dapat bertutur dengan amat jelas dan yakin serta penggunaan bahasa baku amat baik 	
	<ul style="list-style-type: none"> dapat bertutur dengan jelas dan yakin serta penggunaan bahasa baku yang sederhana 	
	<ul style="list-style-type: none"> hanya mampu bertutur dengan jelas menggunakan pernyataan mudah dan sebutan bahasa baku yang tidak konsisten 	

Bacaan saya telah dinilai oleh:

Rakan saya: _____ Tarikh: _____

Guru saya: _____ Tarikh: _____

Ibu/bapa saya: _____ Tarikh: _____